

# STEM Grooming Camp – Penglibatan 32 buah sekolah dari negeri-negeri zon utara

Disediakan oleh: Intan Syaffinazzilla Zaini

Enrolmen murid dalam aliran Sains, Teknologi, Kejuruteraan dan Matematik atau lebih sinonim dengan panggilan aliran *STEM* menunjukkan trend menurun sejak tahun 2012. Sasaran untuk mendapatkan enrolmen 60% murid dalam aliran *STEM* dilihat belum tercapai dan masih jauh daripada sasaran. Justeru itu, Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) melalui Jabatan Pendidikan Negeri (JPN) Pulau Pinang dengan kerjasama Universiti Teknologi MARA Cawangan Pulau Pinang (UiTM CPP) telah mengambil inisiatif dengan menganjurkan *STEM Grooming Camp* pada 17-19 Jun 2019 yang lalu. Dengan peserta terdiri daripada murid-murid tingkatan 1 dan 2 sekolah-sekolah KPM, objektif utama program adalah untuk meningkatkan enrolmen murid dalam aliran *STEM* ketika peringkat menengah atas.

Program peringkat kebangsaan yang julung kali diadakan ini telah disertai oleh 32 buah sekolah menengah dari 4 buah negeri iaitu Pulau Pinang, Perak, Kedah dan Perlis. Seramai 120 orang murid dan guru-guru pengiring berkampung selama 3 hari 2 malam di UiTM CPP sepanjang program berlangsung. Pegawai daripada JPN bagi negeri-negeri yang terlibat beserta JPN Melaka dan JPN Pahang telah hadir sebagai pemerhati sekaligus menjadikan *STEM Grooming Camp* Zon Utara sebagai penanda aras kepada program *STEM* bagi negeri-negeri lain. Institut Pemikir Mahasiswa (IPM), UiTM CPP turut hadir dengan peranan sebagai fasilitator untuk membantu kelancaran *STEM Grooming Camp*.

Program ini telah dirasmikan oleh Tuan Haji Hasruldani Bin Hussain, Ketua Sektor, Sektor Psikologi dan Kaunseling, JPN Pulau Pinang bagi mewakili Pengarah JPN Pulau Pinang. Tempoh 3 hari program padat diisi dengan modul-modul *STEM* kelolaan UiTM CPP, lawatan ke *Penang Science Cluster*, pameran dan forum kerjaya dalam *STEM* sebelum diakhiri dengan ceramah motivasi. *STEM Grooming Camp* telah mendapat sokongan pelbagai agensi antaranya Jabatan Kimia Malaysia, Tenaga Nasional Berhad, Pusat Falak Sheikh Tahir Pulau Pinang, Sasbadi Holdings Berhad, Universiti Sains Malaysia, Agensi Anti Dadah Kebangsaan Daerah Seberang Perai Tengah Pulau Pinang dan Bookklik Technologies. *STEM Grooming Camp* menjadi harapan terbaru KPM untuk membantu negara merealisasikan dasar *STEM* kebangsaan.

